

# PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) TERHADAP PENILAIAN CTU 554 MENGGUNAKAN PLATFORM *UFUTURE*

## *STUDENTS' PERCEPTION OF TEACHING AND LEARNING (TnL) TOWARDS CTU 554 ASSESSMENT USING THE UFUTURE PLATFORM*

Azarudin Bin Awang<sup>1</sup>  
Salina Binti Ahmad<sup>2</sup>  
Che Zuina Binti Ismail<sup>3</sup>  
Mohd Marbawi Bin Taha<sup>4</sup>  
Rubiah Abu Bakar<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Kampus Terengganu, Cawangan Dungun  
(E-mail: azaru154@uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Kampus Terengganu, Cawangan Dungun  
(E-mail: salinaahmad@uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Kampus Terengganu, Cawangan Kuala Terengganu  
(E-mail: chezu270@uitm.edu.my)

<sup>4</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Kampus Terengganu, Cawangan Dungun  
(E-mail: (mohdmarbawi620@uitm.edu.my))

<sup>5</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Kampus Terengganu, Cawangan Kuala Terengganu  
(E-mail: rubiah73@uitm.edu.my)

### Article history

**Received date** : 2-3-2023  
**Revised date** : 3-3-2023  
**Accepted date** : 15-3-2023  
**Published date** : 29-3-2023

### To cite this document:

Awang, A., Ahmad, S., Ismail, C. Z., Taha, M. M., & Abu Bakar, R. (2023). Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran (PDP) Terhadap Penilaian CTU 554 Menggunakan Platform Ufuture. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (52), 70 - 83.

**Abstrak:** Bagi memperkasakan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar universiti, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan kursus Etika dan Peradaban sebagai Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) iaitu wajib diambil oleh setiap pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Ketika negara dilanda pandemik Covid-19, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) matapelajaran Etika dan Peradaban dilakukan sepenuhnya menggunakan kaedah secara maya. Di Universiti Teknologi MARA (UiTM), sebilangan pensyarah menggunakan platform Ufuture bagi memudahkan PdP matapelajaran Etika dan Peradaban (CTU554). Bukan setakat itu sahaja, proses penilaian terhadap pencapaian akademik pelajar turut dilakukan secara digital. Apabila negara berada dalam endemik Covid-19, kaedah pembelajaran secara hybrid berlaku. Justeru, objektif kajian ini ialah untuk meneliti persepsi pelajar terhadap PdP CTU554 dengan menggunakan platform secara digital khusus melalui Ufuture iaitu kaedah penyampaian yang dibangunkan oleh UiTM. Selanjutnya, kajian ini ingin melihat persepsi pelajar terhadap penilaian menggunakan platform Ufuture dalam kursus ini. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan jumlah sampel seramai 310 orang pelajar. Analisis min, sisihan piawai, ujian-t dan analisis varian (ANOVA) digunakan bagi melihat skala pelajar sama ada berada pada tahap yang rendah, sederhana atau tinggi. Hasil kajian

mendapati persepsi pelajar terhadap PdP CTU554 dan aspek penilaian menggunakan platform Ufuture berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini penting kerana terdapat beberapa aspek pembangunan digital yang perlu diambil kira dalam proses pembelajaran hari ini walaupun kaedah PdP secara bersemuka kembali dilaksanakan di UiTM.

**Kata kunci:** Persepsi, PdP, Penilaian, CTU554, Ufuture

**Abstract:** *In order to empower the noble values among university students, the Malaysian Ministry of Education has introduced the Ethics and Civilization course as a General Studies Subject (MPU) which is compulsory for every student in Higher Learning Institutions (HLIs). When the country was affected by Covid-19 pandemic, the teaching and learning (TnL) process for Ethics and Civilization subjects was done entirely using virtual methods. At UiTM, a number of lecturers use the Ufuture platform to facilitate the TnL of Ethics and Civilization Course (CTU554). Not only that, the evaluation process of students' academic achievements is also done digitally. When the country is in endemic Covid-19, learning methods are implemented in hybrid. Therefore, the objective of this study is to examine the perception of students in TnL subject of CTU554 using a digital platform specifically through Ufuture, which is a delivery method developed by UiTM in the TnL subject of CTU554. The purpose of this research was also to explore the students' perception toward the assessment using the Ufuture platform in this course. This study used a quantitative method with a total sample of 310 students. Mean analysis, standard deviation, t-test and analysis of variance (ANOVA) were used to see whether the students' scale is at a low, medium or high level. The study found that students' perception of TnL CTU 554 using the Ufuture platform was at a high level. Likewise, their perception of the evaluation of using Ufuture was at a high level. The findings of this study are important because there are several aspects of digital development that need to be taken into account in today's learning process even though the face-to-face TnL method is once again an option in UiTM.*

**Keywords:** Perception, TnL, Evaluation, CTU554, Ufuture

## Pendahuluan

Pembelajaran dalam talian (*online*) atau pembelajaran elektronik (e-pembelajaran) merupakan istilah yang baru popular sejak berlakunya perintah kawalan pergerakan (PKP) atau *movement control order* (MCO) disebabkan penularan wabak COVID-19. Proses pengajaran dan pembelajaran di Malaysia khususnya, yang berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) atau *Information and Communication Technology* (ICT) belum dapat dilaksanakan secara menyeluruh sebelum tempoh itu. Pembelajaran dalam talian menjadi kaedah pembelajaran alternatif di rumah (PdpR) dengan menggunakan aplikasi seperti *e-mail*, *Whatsapp*, *Telegram*, *Google Meet* dan *Zoom* untuk berkomunikasi; dengan peranti seperti telefon tangan, komputer, kamera video, mikrofon, mesin pencetak dan mesin pengimbas. Justeru, kajian ini dilakukan bagi meneliti persepsi pelajar terhadap PdP kursus CTU554 menggunakan platform secara digital khusus melalui *Ufuture* iaitu kaedah penyampaian yang dibangunkan oleh UiTM. Selanjutnya, kajian ini juga ingin melihat persepsi pelajar terhadap penilaian kursus CTU CTU554 menggunakan kaedah penyampaian platform *Ufuture*.

## Permasalahan Kajian

Fenomena Covid 19 telah membuka satu dimensi baru dalam transformasi pendidikan sama ada di sekolah atau di Universiti dari secara bersemuka kepada PdP atas talian. Perancangan

yang dilakukan ini bertujuan mengelakkan terjadinya sebarang keciciran pendidikan dalam kalangan pelajar. Sebagaimana PdP secara bersemuka, pembelajaran secara atas talian melibatkan aspek-aspek yang sama iaitu pengajaran, penglibatan pelajar dalam pembelajaran, penilaian dan sebagainya. Berkaitan dengan ini, Kamal Azmi et al. (2020) menyatakan bahawa antara perkara paling utama dalam pelaksanaan pembelajaran secara atas talian ialah kesediaan pensyarah dan pelajar. Aspek-aspek 'kesediaan' ini termasuklah persediaan prasarana iaitu capaian internet dan platform yang digunakan. Isu lain yang PdP secara digital ialah menyentuh tentang motivasi pelajar untuk mengikuti kelas secara maya, sikap negatif pelajar terhadap e-pembelajaran dan interaksi pelajar melemahkan kegiatan pembelajaran dan penilaian pelajar. Nor Asmah dan Muhammad Syawal (2021) berpandangan guru tidak dapat memastikan tahap pemahaman pelajar jika dibandingkan kelas yang dilakukan secara bersemuka.

## Kajian Literatur

### Konsep e-pembelajaran

Terdapat beberapa teori tradisional yang mendasari konsep pembelajaran secara umum dan e-pembelajaran secara khususnya seperti *behaviorisme* (pembelajaran berasaskan fakta), *kognitivisme* (pembelajaran berasaskan proses dan prinsip) dan *konstruktivisme* (pembelajaran berasaskan pemikiran aras tinggi) (Ally, 2004). Walau bagaimanapun, satu teori yang mendasari e-pembelajaran secara khusus ialah *connectivism* (Herlo, 2017). Teori ini diperkenalkan oleh George Siemens dan Stephen Downes pada tahun 2005, dan menjelaskan manusia sepatutnya menggabungkan fikiran, teori dan maklumat umum dalam cara yang betul. Pembelajaran bukan lagi tertakluk pada proses ilmu dalam diri manusia, tetapi mula membabitkan perkara di luar minda manusia. Teknologi menjadi perkara penting dalam proses pembelajaran dan mempengaruhi penyelesaian masalah dan pemilihan. Teori ini mengkaji tentang *nodes* dan *links* iaitu bagaimana kita mendapat dan berhubung dengan maklumat melalui media sosial, jaringan atas talian, blog dan database. Teori ini juga dapat dipecahkan kepada aspek sosial (kemanusiaan dan teknologi maklumat) dan aspek bukan sosial (aplikasi dan mesin) (Herlo, 2017; Bell, 2009). Pembelajaran dalam talian antara lain melibatkan sebarang pengalaman pembelajaran melibatkan teknologi digital dan komputer (NACOL, 2007), penggunaan ICT dalam mod jarak jauh dan bersemuka (Bennet, Iredale & Reynolds, 2010), penggunaan pembelajaran teradun (*blended learning*) iaitu sistem pembelajaran yang menggabungkan instruksi bersemuka dengan instruksi berasaskan media (*technology-mediated instruction*) (Graham, 2006), dan pembelajaran *synchronous* atau *asynchronous* dalam talian dengan lebih dari 20% dikendalikan secara bersemuka (Swenson & Redmond, 2009).

Satu lagi perkara penting dalam pembelajaran dalam talian ialah *asynchronous learning* dan *synchronous learning*. *Asynchronous learning* menyarankan pembelajaran dalam talian yang tidak mempunyai interaksi dua hala serentak seperti penggunaan *e-mail*, manakala *synchronous* yang mempunyai interaksi dua hala serentak seperti perbualan telefon dan video, konferens video, dan mesej segera (Koehler, M.J. & Mishra, P., 2009). Definisi e-pembelajaran boleh dibahagikan kepada dua: konseptual dan operasional. E-pembelajaran konseptual menekankan proses pembelajaran yang melibatkan interaksi kolaboratif dan konstruktif menggunakan pelbagai alat elektronik dalam pembelajaran dalam talian. Manakala definisi operasional pula memberi tumpuan kepada kemahiran mengendalikan alat atau perkakasan teknologi (tumpuan kepada teknologi) dalam talian untuk memudah cara proses pengajaran dan pembelajaran. Penjelasan definisi ini selaras dengan definisi teknologi pendidikan yang memberi penekanan kepada teknologi sebagai proses dan teknologi sebagai produk (Heinich, Molenda & Russell, 1992). Walau bagaimanapun, pembelajaran dalam talian bukan sahaja penggunaan internet

untuk mengakses bahan pembelajaran; bahkan ia melibatkan interaksi dengan kandungan, pengajar, dan rakan pelajar; dan usaha untuk mendapatkan sokongan semasa proses pembelajaran berlaku agar dapat menimba ilmu, membina sesuatu yang bermakna dan dapat berkembang hasil daripada pengalaman pembelajaran (Ally, 2004).

### **Peranan PdP Kursus Etika dan Peradaban di Universiti**

Kefahaman tentang pembentukan etika dan peradaban dalam kepelbagaian masyarakat perlu diterapkan kepada setiap individu bagi meningkatkan penghayatan mereka ke arah kesepaduan nasional dan bangsa Malaysia. Peradaban dalam acuan Malaysia perlu dikembangkan melalui aktiviti akademik berpandukan Perlembagaan Persekutuan sebagai tapak integrasi dan wahana bagi etika dan peradaban. Penghayatan etika dan peradaban perlu menzahirkan perilaku dalam tanggungjawab sosial yang mesti digerakkan oleh semua peringkat bermula dari individu, keluarga, komuniti, masyarakat dan seterusnya kerajaan bagi mencapai satu bentuk peradaban acuan Malaysia yang unik dan tersendiri (Kamsani, 2021). Justeru, bagi mempersiapkan dan meningkatkan penghayatan tersebut, Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP) merupakan kursus wajib baharu di IPT telah diperkenalkan pada sesi pengambilan 2019/2020.

Menurut mantan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik, kursus ini wajib diambil oleh mahasiswa dan menjadi prasyarat untuk mereka sebelum menamatkan pengajian. Ia merupakan salah satu hala tuju sistem pendidikan negara dan merupakan sambungan kepada pendidikan sivik di sekolah supaya diteruskan di peringkat pengajian tinggi (Berita Harian, 25 September 2019). Tuntasnya, kurikulum Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban digubal selari dengan tujuan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Tujuan MPU diperkenalkan adalah untuk menjadikan pelajar prasiswazah dilengkapi dengan pengetahuan berkaitan dengan pembinaan negara bangsa, pengukuhan dan perluasan pengetahuan mereka tentang Malaysia, di samping dapat mengaplikasikan kemahiran insaniah. Di UiTM, kesemua pelajar yang mengikuti program ijazah sarjana muda diwajibkan mengikuti dan lulus mata pelajaran ini di bawah kod CTU554. Ketetapan penilaian subjek 2 jam kredit ini telah melalui beberapa fasa perubahan dan silibus terkini telah bermula pada semester Mac-Julai 2018. Sehingga kini penilaian kod kursus ini dilakukan berdasarkan penilaian pelaksanaan kertas projek, pembentangan dan ujian akhir.

### **Kaedah Pembelajaran Secara Maya Secara Ufuture**

Menyedari wujudnya keperluan e-pembelajaran dalam menghadapi norma baharu, maka kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif bagi memperkasakan lagi proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara maya. Untuk tujuan tersebut, kerajaan telah melaksanakan pemberian komputer riba secara percuma kepada pelajar yang tergolong dalam kategori B40 dan pakej pelan data kepada pelajar yang layak. (Julia Wirza Mohd Zawawi 2021). Di peringkat institusi-institusi pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM), mereka telah mengaktifkan *Learning Management System* (LMS) iaitu software pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan secara maya. Di UiTM, sistem LMS ini dikenali sebagai *Ufuture*. (Jamiah Baba et al. 2022). Melalui pembelajaran menggunakan *Ufuture* ini, pensyarah boleh menyampaikan bahan-bahan pengajaran, melaksanakan penilaian-penilaian secara berterusan serta menyemak kemajuan pelajar dalam pembelajaran mereka dengan lebih mudah. Bahkan, pelajar bukan sahaja boleh meningkatkan kemahiran mereka dalam penggunaan teknologi, bahkan dapat menguasai ilmu dan berkongsi maklumat dengan lebih pantas. Sistem *Ufuture* ini boleh dilayari melalui pautan <https://ufuture.uitm.edu.my/home/> (Jamiah Baba et al. 2022). Terdapat beberapa fungsi dalam *Ufuture* yang membantu pembelajaran pelajar secara menyeluruh. Bagi pelajar yang baru

memasuki UiTM, mereka akan diperkenalkan dengan beberapa fungsi asas iaitu *Log In, Announcement, Entrance/Exit Survey, SUFO, Course Assessment dan Join Group* (Jamiah Baba et al. 2022). Untuk kegunaan semasa, sistem *Ufuture* mengandungi beberapa “feature” utama iaitu *Dashboard, myCourse, myCommunity, Evaluation dan Online Learning*. (UiTM, 2023). Pada dasarnya, penyelidik mendapati sistem ini merupakan sistem yang sangat baik dan mesra pengguna. Walaupun begitu, bagi meningkatkan lagi tahap keberkesannya, adalah wajar sistem ini perlu dinilai dari semasa ke semasa. Dengan yang demikian, segala kelemahan dapat diperbaiki dan sistemnya dapat ditambahbaik. Bagi menilainya, maka kajian-kajian berkaitan aspek-aspek tertentu dalam *Ufuture* wajar dilakukan secara berterusan. Kajian ini yang dijalankan oleh penyelidik adalah sebahagian daripada usaha tersebut. Sehingga kini, jumlah warga UiTM yang berdaftar dalam sistem *Ufuture* adalah seramai 193,585 dengan bilangan pengajar seramai 9,437 orang, manakala pelajaranya pula adalah seramai 184,148 orang (UiTM 2023). Memandangkan *Ufuture* mempunyai bilangan pengguna yang begitu besar, maka ia sangat signifikan dalam proses PdP di UiTM. Oleh yang demikian, proses penambahbaikannya perlu dilakukan secara berterusan supaya ia kekal relevan, berkesan dan mesra pengguna.

### Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang dikategorikan sebagai kajian kes iaitu penyelidikan yang dijalankan secara intensif oleh penyelidik ke atas unit kecil sosial seperti individu, satu keluarga, satu kampung, satu kelab, satu sekolah atau satu masyarakat (Abdul Majid, 2009). Reka bentuk kajian dibangunkan adalah bersifat *purposive sampling* iaitu merujuk kepada satu kelompok yang mempunyai ciri yang sama sebagaimana yang dikehendaki oleh penyelidik.

### Sampel dan Persampelan

Mengambil kira kursus CTU554 merupakan antara kod kursus yang teramai di UiTM pelajar mengikutnya, dengan demikian pengkaji memilih kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan yakni merujuk kepada satu kumpulan yang mempunyai ciri-ciri sampel yang dikehendaki oleh penyelidik (Mokhtar, 2011). Justifikasi UiTM Dungun dan Chendering dipilih, sebagai lokasi kajian kerana kawasan tersebut dikira sebagai kawasan sub bandar yang mempunyai kecapaian internet yang baik. Fokus kajian ialah hanya pelajar-pelajar yang mengikuti semua program sarjana muda di UiTM Cawangan Terengganu.

Populasi sebenar pelajar-pelajar yang mengambil kursus CTU554 di UiTM Cawangan Terengganu adalah berjumlah seramai 388 orang. Berdasarkan jadual Krecie & Morgan (1970), sekiranya populasi 380 orang, saiz sampel mencukupi dengan jumlah 191 orang sahaja. Justeru, berdasarkan jumlah populasi seramai 388 orang dengan jumlah sampel yang diperolehi seramai 310 orang, bermakna jumlah yang diperolehi melepasi saiz sampel sebagaimana yang dicadangkan oleh Krecie & Morgan.

### Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan teknik pengumpulan data melalui edaran borang soal selidik yang telah dilakukan semakan pakar. Pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada responden bagi memperolehi maklumbalas. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A: Maklumat Demografi Responden, bahagian B: Persepsi Terhadap Pembelajaran Secara *Ufuture*, dan C: Persepsi Pelajar Terhadap Penilaian Akhir Menggunakan *Ufuture*. Ujian kebolehpercayaan juga dilakukan ke atas item-item berkaitan persepsi dan sikap guru terhadap riba. Hasil dapatan keputusan *Cronbach's Alpha* menunjukkan bacaan 0.773. Justeru, menurut Pallant (2007), semakin hampir *reliability coefficient* kepada 1.0, dengan demikian

kebolehpercayaannya adalah lebih tinggi. Ini bertepatan dengan indek Rowntree yang menyebut tahap *Cronbach's Alpha* = 0.71 - 0.90 merupakan tahap kebolehpercayaan yang kuat dan merupakan tahap kebolehpercayaan yang tinggi (Ahmad Sunawari 2009).

### Analisis Kajian

Secara keseluruhan, data-data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif menggunakan SPSS 26. Analisis min dan s.p dilakukan ke atas soalan likert lima iaitu (1) sangat tidak bersetuju, (2) tidak bersetuju, (3) Tidak Pasti, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju. Apabila skala ini dibahagikan kepada tiga tahap, angka berikut menjadi indikator kepada rendah (skor min 1.00-2.49), sederhana (skor 2.50-3.49) dan tinggi (skor min 3.50-5.00).

### Dapatan Kajian

Dapatan kajian menjelaskan tentang latarbelakang responden, persepsi pelajar terhadap pembelajaran Ufuture dan persepsi pelajar terhadap penilaian akhir menggunakan platform *Ufuture*.

### Latarbelakang Responden

Responden merupakan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program-program sarjana Muda di UiTM Cawangan Terengganu. Mereka merupakan pelajar-pelajar mendaftarkan diri mengambil kursus CTU554 (Etika dan Peradaban II). Populasi keseluruhan adalah seramai 386 manakala bilangan sampel 310 orang iaitu 82 orang atau 26.5% adalah lelaki manakala 228 orang atau 73.5% adalah perempuan. Seramai 85 orang atau (27.4%) merupakan pelajar yang sedang mengikuti program Pengurusan Perniagaan, seramai 57 orang atau 18.4% pula merupakan pelajar yang mengikuti program Perakaunan, 72 orang (23.2%) pula merupakan pelajar yang sedang mengikuti program Pengurusan Hotel, manakala pelajar yang mengikuti program Sains Komputer merupakan jumlah yang terbesar iaitu seramai 96 orang atau 31% daripada jumlah keseluruhan. Dari segi bahagian pula, seramai 122 orang pelajar atau 39.4% merupakan pelajar pada semester 2, manakala seramai 78 orang pelajar atau 25.2% berada pada semester 3, pelajar yang berada pada semester 4 pula berjumlah 101 orang atau 32.6% dan hanya 9 orang sahaja pelajar atau 2.9% yang berada pada semester 5. Majoriti pelajar yang mengikuti kursus CTU554 ini tinggal di dalam kampus dengan jumlah seramai 221 orang atau 71.3% dan hanya 89 orang sahaja atau 28.7% tinggal di luar kampus. Ini boleh dilihat sebagaimana jadual 1 di bawah:

**Jadual 1: Demografi Responden**

BIL	PERKARA	JUMLAH	PERATUS	
1	JANTINA	Lelaki	82	26.5
		Perempuan	228	73.5
2	FAKULTI	Pengurusan Perniagaan	85	27.4
		Perakaunan	57	18.4
		Pengurusan Hotel	72	23.2
		Sains Komputer	96	31
3	BAHAGIAN	Semester 2	122	39.4
		Semester 3	78	25.2
		Semester 4	101	32.6
		Semester 5	9	2.9
4	TINGGAL	Di Dalam Kampus	221	71.3
		Luar Kampus	89	28.7

### Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran *Ufuture*

Responden ditanya 6 soalan yang menyentuh tentang tahap kepuasan pembelajaran secara atas talian. Hasil dapatan menunjukkan pelajar mengakui bahawa mereka dapat mengikuti pembelajaran atas talian dengan baik. Min 4.33 dengan s.p 0.673 menunjukkan darjah persetujuan yang diberikan oleh pelajar berada pada tahap yang tinggi. Pelajar juga mengakui bahawa mereka berhadapan dengan masalah talian pada tahap yang sederhana ketika kelas dijalankan. Ini dibuktikan apabila min yang diperolehi menunjukkan bacaan hanya 2.89 dengan s.p (1.109). Walaupun begitu, para pelajar berpandangan pembelajaran CTU554 yang dijalankan secara atas talian lebih seronok berbanding secara bersemuka pada tahap yang sederhana apabila nilai min yang diperolehi hanya 3.74 mata dengan s.p (0.932) sahaja. Pelajar memberi darjah persetujuan yang tinggi bahawa apabila pembelajaran secara atas talian di UiTM menggunakan pelbagai medium. Ini dibuktikan apabila hasil dapatan min menunjukkan nilai 4.46 dengan s.p (0.666). Berkaitan dengan pembelajaran menggunakan medium *Ufuture*, majoriti pelajar berpandangan pembelajaran menggunakan medium ini tidak membosankan. Ini dibuktikan apabila nilai min yang diperolehi adalah 3.83 dengan s.p (0.921) berada pada tahap yang tinggi. Bahkan darjah persetujuan responden juga tinggi dengan nilai min yang diperolehi 4.04 (s.p 0.835) bahawa *Ufuture* menyediakan pelbagai bahan dan maklumat tentang kursus CTU554. Ini dijelaskan sebagaimana dalam jadual 2 di bawah:

**Jadual 2: Persepsi Terhadap Pembelajaran Secara *Ufuture***

BIL	PERKARA	MIN	(S.P)	TAHAP
1	Saya dapat mengikuti pembelajaran CTU554 secara atas talian dengan baik	4.33	.673	Tinggi
2	Saya kadang kala berhadapan masalah talian apabila mengikuti pembelajaran CTU554 secara atas talian	2.89	1.109	Sederhana
3	Saya merasa lebih seronok pembelajaran CTU554 dilaksanakan secara atas talian berbanding secara bersemuka	3.74	.932	Tinggi
4	Saya telah didedahkan pelbagai medium pembelajaran di UiTM menggunakan <i>U-Future</i> , <i>Google Form</i> , <i>Padlet</i> dan sebagainya	4.46	.666	Tinggi
5	Saya merasakan pembelajaran menggunakan <i>Ufuture</i> adalah tidak membosankan	3.83	.921	Tinggi
6	Berbagai info dan maklumat kod CTU554 yang diletakkan di <i>Ufuture</i> boleh dicapai dengan mudah (mesra capaian)	4.04	.835	Tinggi

Selanjutnya, ujian-*t* dilakukan untuk melihat min, sisihan piawai dan keputusan persepsi pelajar berdasarkan jantina terhadap pembelajaran menggunakan kaedah *u-future*. Min bagi pelajar lelaki ialah 3.84 dengan s.p (0.498) lebih rendah daripada min pelajar perempuan 3.89 dengan s.p (0.464) dengan perbezaan hanya 0.05 mata sahaja. Biarpun begitu berdasarkan hasil dapatan *Sig. (2tailed)* 0.333 > 0.05 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min persepsi lelaki dan perempuan. Ini dijelaskan sebagaimana jadual 3 di bawah:

**Jadual 3 : Ujian-t Terhadap Persepsi Berdasarkan Jantina**

Group Statistics					
	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Pembelajaran	Lelaki	82	3.8358	.49822	.05502
	Perempuan	228	3.8949	.46372	.03071

Independent Samples Test										
		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means					95% Confidence Interval of the Difference	
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	Lower	Upper
Pembelajaran	Equal variances assumed	1.568	.211	-.970	308	.333	-.05911	.06091	-.17897	.06075
	Equal variances not assumed			-.938	134.671	.350	-.05911	.06301	-.18373	.06551

Seterusnya, ujian-*t* dilakukan untuk melihat min, sisihan piawai dan keputusan persepsi pelajar berdasarkan pelajar yang tinggal di dalam dan diluar kampus terhadap pembelajaran menggunakan kaedah *Ufuture*. Min bagi pelajar yang tinggal di dalam kampus ialah 3.89 dengan s.p (0.473) lebih tinggi sedikit daripada min pelajar yang tinggal di luar kampus iaitu 3.84 dengan s.p (0.472) dengan perbezaan hanya 0.05 mata sahaja. Namun begitu berdasarkan hasil dapatan *Sig. (2tailed)* 0.384 > 0.05 juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min persepsi pelajar yang tinggal di dalam dan di luar kampus. Ini dijelaskan sebagaimana jadual 4 di bawah:

**Jadual 4: Ujian-t Terhadap Persepsi Pelajar Yang Tinggal di Dalam dan di Luar Kampus Terhadap Pembelajaran Menggunakan *Ufuture***

Group Statistics					
	Penempatan	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Pembelajaran	Dalam Kampus	221	3.8941	.47328	.03184
	Luar Kampus	89	3.8423	.47292	.05013



### Independent Samples Test

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means				95% Confidence Interval of the Difference		
		F	Sig.	t	df	Sig. (2- tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	Lower	Upper
Pembelajaran	Equal variances assumed	.131	.718	.872	308	.384	.05180	.05940	-.06509	.16868
	Equal variances not assumed			.872	162.711	.384	.05180	.05938	-.06547	.16906

Merujuk kepada jadual 4 di bawah, keputusan analisis varian (ANOVA) bagi nilai min persepsi berdasarkan demografi program yang diikuti memperlihatkan nilai  $F = 1.041$  dan nilai  $p = 0.413$ , iaitu  $p > 0.05$ . Ini bermakna, perbezaan program yang diikuti bukanlah faktor yang signifikan yang mempengaruhi persepsi muallaf terhadap pembelajaran menggunakan *u-future*. Bagi keputusan analisis varian (ANOVA) nilai min persepsi berdasarkan demografi tahun pengajian pelajar pula memperlihatkan nilai  $F = 1.402$  dan nilai  $p = 0.129$ , iaitu  $p > 0.05$  juga tidak signifikan. Justeru itu, dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan jenis program yang diikuti oleh dan tahun pengajian pelajar dalam pembelajaran menggunakan *Ufuture*. Ini dijelaskan sebagaimana dalam jadual 5 di bawah :

**Jadual 5: Ujian Demografi *One Way ANOVA* Terhadap Jenis Program dan Tahun yang Diikuti Oleh Pelajar Terhadap Pembelajaran.**

ANOVA						
		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Program	Between Groups	26.484	18	1.471	1.041	.413
	Within Groups	411.158	291	1.413		
	Total	437.642	309			
Tahun	Between Groups	20.660	18	1.148	1.402	.129
	Within Groups	238.311	291	.819		
	Total	258.971	309			

#### Persepsi Pelajar Terhadap Penilaian Akhir Menggunakan Platform *Ufuture*

Sebanyak 7 soalan dikemukakan bagi menguji persepsi pelajar terhadap penilaian menggunakan platform *Ufuture*. Bagi soalan yang menyentuh latihan dan pembentangan kertas kerja menggunakan medium *Ufuture*. Darjah persetujuan pelajar berada pada tahap yang sederhana apabila nilai min yang diperolehi hanya 3.66 dengan sp (0.968) sahaja. Selanjutnya, pelajar juga bersetuju pada tahap yang tinggi bahawa mereka telah diberi panduan dan tunjuk ajar untuk menyelesaikan kertas soalan ujian akhir. Ini dibuktikan apabila nilai min yang diperolehi 3.99 (s.p 0.851). Justeru pelajar majoriti pelajar merasakan lebih mudah menjawab soalan menggunakan platform *Ufuture* berbanding secara bersemuka. Ini terbukti apabila darjah persetujuan min yang diperolehi berada pada tahap yang tinggi dengan min 4.26 (s.p 0.900).

Apatah lagi majoriti pelajar mengakui bahawa mempunyai akses yang baik ketika menggunakan platform *Ufuture* pada tahap yang tinggi. Buktinya ialah perolehan skala min dengan bacaan 4.37 (s.p 0.687) menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi. Pelajar juga mengakui bahawa mereka diingatkan agar capaian internet seperti data dan lokasi berada dalam keadaan yang baik. Perolehan min 4.35 (s.p 0.734) menjelaskan darjah persetujuan responden berada pada tahap yang tinggi. Biar pun begitu, berdasarkan pengalaman kod-kod yang lepas, pelajar mengakui masa yang diperuntukkan menjawab penilaian akhir ini berada pada tahap sederhana apabila perolehan min hanya 3.48 (s.p 1.114) sahaja. Apabila ditanya tentang kesediaan untuk menjawab soalan ujian akhir CTU554 menggunakan platform *Ufuture*, majoriti pelajar bersetuju menggunakan kaedah atas talian. Perolehan min 4.27 (s.p 0.906) menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi. Ini boleh diperhatikan dalam jadual 6 di bawah:

**Jadual 6: Persepsi Pelajar Terhadap Penilaian Menggunakan Platform *Ufuture***

BIL	PERKARA	MIN	(S.P)	TAHAP
7	Saya juga menyelesaikan tugas pelajar seperti latihan dan pembentangan menggunakan kaedah <i>Ufuture</i>	3.66	.968	Tinggi
8	Saya telah diberi tunjuk ajar dan panduan untuk menjawab soalan ujian akhir menggunakan <i>Ufuture</i>	3.99	.851	Tinggi
9	Saya mempunyai akses yang baik seperti komputer riba atau telefon bimbit apabila menggunakan <i>Ufuture</i> menjelang masa penilaian akhir	4.37	0.687	Tinggi
10	Saya rasa lebih mudah menjawab soalan menggunakan <i>Ufuture</i> berbanding secara bersemuka	4.26	0.900	Tinggi
11	Saya diingatkan agar capaian internet (data mencukupi) apabila menjawab soalan menggunakan <i>Ufuture</i>	4.35	.734	Tinggi
12	Berdasarkan pengalaman kod sebelumnya, saya merasakan masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan dalam <i>Ufuture</i> adalah mencukupi	3.48	1.114	Sederhana
13	Saya bersedia menjawab soalan ujian akhir CTU554 <i>Ufuture</i> sekiranya diberi pilihan	4.27	.906	Tinggi

Selanjutnya, ujian-*t* juga dilakukan untuk melihat min, sisihan piawai dan keputusan persepsi pelajar berdasarkan jantina terhadap penilaian menggunakan kaedah *u-future*. Min bagi pelajar lelaki ialah 4.07 dengan s.p (0.561) lebih rendah daripada min pelajar perempuan 4.05 dengan s.p (0.614) dengan perbezaan hanya 0.02 mata sahaja. Biar pun begitu berdasarkan hasil dapatan *Sig. (2tailed)* 0.803 > 0.05 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min persepsi lelaki dan perempuan. Ini dijelaskan sebagaimana jadual 7 di bawah:

**Jadual 7: Ujian-t Terhadap Persepsi Penilaian Menggunakan Platform *Ufuture* Berdasarkan Jantina**

Group Statistics					
	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Penilaian	Lelaki	82	4.0694	.56187	.06205
	Perempuan	228	4.0501	.61375	.04065

Independent Samples Test

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means					95% Confidence Interval of the Difference	
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	Lower	Upper
Penilaian	Equal variances assumed	.059	.809	.249	308	.803	.01927	.07733	-.13289	.17143
	Equal variances not assumed			.260	155.235	.795	.01927	.07418	-.12725	.16580

Seterusnya, ujian-*t* dilakukan untuk melihat min, sisihan piawai dan keputusan persepsi pelajar berdasarkan pelajar yang tinggal di dalam dan diluar kampus terhadap penilaian menggunakan kaedah u-future. Min bagi pelajar yang tinggal di dalam kampus ialah 4.06 dengan s.p (0.580) lebih tinggi sedikit daripada min pelajar yang tinggal di luar kampus iaitu 4.04 dengan s.p (0.649) dengan perbezaan hanya 0.02 mata sahaja. Namun begitu berdasarkan hasil dapatan *Sig. (2tailed)*  $0.026 > 0.05$  juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara min persepsi pelajar yang tinggal di dalam dan di luar kampus. Ini dijelaskan sebagaimana jadual 8 di bawah:

**Jadual 8: Ujian-t Terhadap Penilaian Pelajar Menggunakan Platform *Ufuture* Berdasarkan Tempat Tinggal**

Group Statistics					
	Penempatan	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Penilaian	Dalam Kampus	221	4.0626	.57988	.03901
	Luar Kampus	89	4.0369	.64915	.06881

Independent Samples Test

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means					95% Confidence Interval of the Difference	
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	Lower	Upper
Penilaian	Equal variances assumed	.207	.650	.341	308	.734	.02568	.07539	-.12266	.17401
	Equal variances not assumed			.325	147.552	.746	.02568	.07910	-.13063	.18199

Berdasarkan jadual 9 di bawah, keputusan analisis varian (ANOVA) bagi nilai min persepsi pelajar terhadap penilaian menggunakan *u-future* berdasarkan demografi program yang diikuti memperlihatkan nilai  $F = 1.330$  dan nilai  $p = 0.158$ , iaitu  $p > 0.05$ . Ini bermakna, perbezaan program yang diikuti bukanlah faktor yang signifikan yang mempengaruhi persepsi muafaf terhadap penilaian menggunakan *u-future*. Bagi keputusan analisis varian (ANOVA) nilai min persepsi berdasarkan demografi tahun pengajian pelajar pula memperlihatkan nilai  $F = 0.790$  dan nilai  $p = 0.725$ , iaitu  $p > 0.05$  juga tidak signifikan. Justeru itu, dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan jenis program yang diikuti oleh dan tahun pengajian pelajar dalam penilaian menggunakan platform *Ufuture*. Ini dijelaskan sebagaimana dalam jadual 8 di bawah:

**Jadual 9: Ujian Demografi *One Way ANOVA* Terhadap Jenis Program dan Tahun yang Diikuti oleh Pelajar Terhadap Penilaian**

		ANOVA				
		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Program	Between Groups	36.896	20	1.845	1.330	.158
	Within Groups	400.746	289	1.387		
	Total	437.642	309			
Tahun	Between Groups	13.427	20	.671	.790	.725
	Within Groups	245.544	289	.850		
	Total	258.971	309			

### Perbincangan

Walaupun proses PdP di universiti-universiti di Malaysia hampir kembali sepenuhnya kepada kaedah bersemuka, didapati gaya pembelajaran secara teradun (*blended learning*) masih relevan dengan pelbagai instrumen pengajaran yang ditawarkan. Ini jugalah yang ditegaskan oleh Yusuf Hshim (2012) dengan menyatakan bahawa pembelajaran abad ke-21 melibatkan pendekatan dan rekabentuk pembelajaran yakni manusia mula belajar melalui perbincangan dalam talian, mendengar *podcast*, menonton *youtube*, menghadiri kuliah atau webinar dalam talian, refleksi dalam media sosial seperti Blog dan Wikis, melayari laman web, dan pelbagai lagi bentuk kerjasama dan kolaborasi dalam talian. Bagi pelajar UiTM, Covid19 memaksimumkan lagi penggunaan PdP instrumen *Ufuture* bagi subjek Etika dan Peradaban (CTU554) pada segenapnya. Bagi pelajar, PdP menggunakan *Ufuture* memberi banyak kelebihan seperti tidak membosankan dan pelajar mudah akses bahan-bahan yang berkaitan. Biarpun begitu, masih terdapat dalam kalangan pelajar berhadapan masalah untuk mengikuti PdP interaktif subjek CTU554 kerana talian internet yang tidak menggalakkan. Hasil kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Nur Fatin et al. (2021) yang mendapati persepsi majoriti pelajar terhadap PdP menggunakan aplikasi multimedia interaktif dapat membantu pelajar lebih fokus dan kandungan pelajaran adalah lebih mudah.

Melalui *Ufuture*, pensyarah-pensyarah boleh melakukan penilaian terhadap pelajarannya. Bagi subjek CTU554, para pelajar boleh melakukan *upload* untuk menghantar tugas yang diberikan manakala penilaian akhir turut dilakukan atas talian. Proses penilaian yang dilakukan ini sedikit sebanyak mampu menjimatkan masa, tenaga, kapasiti ruang pembelajaran dan kos.

Bagi mengelakkan sebarang pencabulan terhadap integriti ketika menjawab penilaian akhir, para pensyarah boleh sahaja mengadakan aktiviti ini di dalam kelas namun prosesnya masih berlaku secara atas talian. Berdasarkan maklum malas daripada pelajar, majoriti daripada mereka merasakan aktiviti penilaian pelajar menggunakan *Ufuture* masih relevan. Apatah lagi kebanyakan daripada mereka mempunyai kemudahan peralatan yang baik untuk melayari internet. Kajian ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Mohd Izzuddin et al. (2021) bahawa walaupun proses PdP belaku secara atas talian, namun pemilihan tugas pelajar yang selari dengan tajuk yang diajar masih mampu memberikan kesan kepada penguasaan ilmu yang dipelajari.

### Kesimpulan

Meskipun situasi fasa pandemik Covid 19 telah berubah kepada fasa endemik, persepsi pelajar terhadap pembelajaran dan proses penilaian matapelajaran Etika dan Peradaban (CTU554) menggunakan *Ufuture* dilihat masih relevan. Kenyataan ini diasaskan kepada pemilihan pelajar terhadap PdP menggunakan medium tersebut berada pada skala yang tinggi. Kerancangan pembangunan dan perkembangan digital dalam sektor pendidikan memperlihatkan penjimatan dalam aspek ruang, masa dan kos.

Walaupun perspektif pelajar terhadap PdP menggunakan platform *Ufuture* ini dilihat masih relevan, namun kajian pembelajaran subjek ini berdasarkan perspektif pensyarah juga perlulah diambil kira. Dengan demikian, pengkaji mencadangkan agar kajian keberkesanan proses PdP dan penilaian subjek ini turut dilakukan berdasarkan perspektif pensyarah atau tenaga pengajar yang terlibat dalam kursus ini. Mengambil kira, matapelajaran ini menjadi kursus wajib bagi setiap program di Universiti di Malaysia, penyampaian PdP yang kurang berkesan menyebabkan matlamat kerajaan untuk memastikan agenda penyuburan nilai-nilai etika dalam kalangan pelajar uiversiti tidak akan tercapai.

### Rujukan

- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Abdul Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ally, M. (2004) Foundations of Educational Theory for Online Learning. In: Anderson, T. and Elloumi, F., Eds., *Theory and Practice of Online Learning*, Athabasca University, Athabasca, 3-31.
- Bell, F. (2009). *Connectivism: a Network Theory for Teaching and Learning in a Connected World*. Manchester: University of Salford.
- Bennett, E. Iredale, A. and Reynolds, C.. (2010) Teaching with technology. In: *Teaching in Lifelong Learning*. Open University Press, Maidenhead, pp. 144-152.
- Davis, N. & Rose, R.. (2007). *Professional Development for Virtual Schooling and Online Learning*. North American Council for Online Learning (NACOL).
- Graham, C.R. (2006) Blended Learning Systems: Definition, Current Trends, and Future Directions. In: Bonk, C.J. and Graham, C.R., Eds., *Handbook of Blended Learning: Global Perspectives, Local Designs*. Pfeiffer Publishing: San Francisco, 3-21.
- Heinich, R., Molenda, M., Russell, J.D.. (1992). *Instructional Media and the New Technologies of Instruction* 4th Edition. Macmillan.
- Herlo, Dorin. (2017). Connectivism: A new learning theory?. *The European Proceedings of Social and Behavioral Sciences*, 330-337.
- <https://ufuture.uitm.edu.my/home/> "Ufuture." *Sistem Ufuture UiTM*. Diakses pada 12 Januari, 2023

- Jamiah Baba, Mahadi Kamaludin, Marina Mohd Arif, Muhamad Faiez Alwee, Rosilawati Sueb, and Shireena Basree Abdul Rahman. (2022). *Study Skills UED102*. 2nd ed. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Julia Wirza Mohd Zawawi. (2021). "Sejauh Mana Relevan E-Pembelajaran Di Masa Hadapan." *Harian Metro*, September 21.
- Kamal Azmi Abd. Rahman, Mustafa Kamal Amat Misra, Nurhanisah Senin, Mohd Manawi Mohd Akib. Cabaran Pembelajaran Online Bagi Program Pengajian Islam Di Insitusi Pengajian Tinggi (Ipt). *Malaysian Journal For Islamic Studies* 6 (1), 10-21.
- Kamsani Bin Md. Saad. Persepsi Pelajar Terhadap Implimentasi Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban Di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Kedah. *International Conference On Syariah & Law2021(Iconsyal 2021)*-Online Conference 6 Th April 2021. Hlm 122.
- Koehler, M.J. & Mishra, P. (2009). What is technological pedagogical content knowledge? *Contemporary Issues in Technology and Teacher Education*, 9(1), 60-70.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Mohd Amin Mohd Noh, Zur'ain Harun, Muhammad Syakir Sulaiman, Mohd Faez Ilias, Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi, Julia Madzalan Dan Annasaii Jamar. 2021. Elemen Rubrik Penilaian Tugas Pelajar Secara Atas Talian. *Attawbawy, Malaysian Journal Of Education* 5 (2), 98-104.
- Nor Asmah Abdullah & Muhammad Syawal Amran. (2021). Perspektif Guru Terhadap Penglibatan Murid Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Atas Talian Semasa Pandemik Covid-19 Di Malaysia. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(4), 32-39.
- Nur Fatin Shamimi Che Ibrahim, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Mohd Ra'in Shaari, Kesavan Nallaluthan. (2021). Students' Perceptions of Interactive Multimedia Applications in the 21st Century Teaching and Learning Process. *Online Journal For Tvet Practitioners*, 6(1), 15-24.
- Pallant, J. (2007). *SPSS survival manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. Edisi ke 3. Sydney Australia: Allen & Unwin
- Swenson, P & Redmond, P.. (2009). Online, Hybrid, and Blended Coursework and the Practice of Technology-Integrated Teaching and Learning Within Teacher Education. In *Education: Issues In Teacher Education*. California: University of Touro.
- Yusuf Hshim. (2012). Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru (KKPG) 2012, 15-17 Oktober 2012, Kuantan Pahang.